



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (40) 18/05

PENYAMPAIAN BANTUAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI AWAM DAN UNIVERSITI LUAR NEGARA TAHUN 2024 HARGAI KECEMERLANGAN ANAK WARGA KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. **KUALA LUMPUR, 6 Jun 2024** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Bantuan Universiti Luar Negara (ULN) Tahun 2024 bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan, hari ini.
2. Majlis penyampaian ini merupakan sambutan tradisi dan menjadi insentif ‘signature’ Yayasan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (YLTAT) untuk meraikan tahap kecemerlangan anak-anak warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM). YLTAT akan menggalas tanggungjawab untuk mengaturgerak inisiatif pembangunan pendidikan yang mampu memberi ‘multiplier effect’ kepada pembentukan modal insan berdaya saing sejajar dengan aspirasi pendidikan nasional.
3. Seramai **94 pelajar telah menerima insentif bagi kategori IPTA dan ULN**. Bagi kategori IPTA, **seramai 84 telah menerima insentif berjumlah RM1,000** dan **seramai 10 pelajar telah menerima insentif berjumlah RM2,000 setiap seorang**. Sejak tahun 2001 hingga 2023, YLTAT telah menyalurkan sumbangan kepada anak-anak ATM yang berjaya melanjutkan pelajaran ke IPTA dan Universiti Luar Negara sebanyak **RM2,369,000 (dua juta tiga ratus enam puluh sembilan ribu)** kepada **2,247 pelajar**.
4. Pemberian ini merupakan salah satu komitmen YLTAT dalam merealisasikan pelaksanaan dan hala tuju Kertas Putih Pertahanan (KPP) khususnya dalam memastikan hala tuju pendidikan anak-anak warga ATM terjamin menerusi program-program sedia ada yang ditawarkan. Semoga pengiktirafan ini akan menjadi inspirasi serta menyuntik semangat anak-anak warga ATM yang lain untuk turut mengikut jejak langkah dan dijadikan suri teladan pada masa akan datang.
5. Dalam majlis sama, YB Menteri Pertahanan turut menyaksikan penyampaian **sumbangan mock cheque bagi Program Sentuhan Elit Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 sebanyak RM295,704 ribu daripada ILTIZAM by Ekuinas untuk membantu melaksanakan Program Sentuhan Elit SPM 2024** sebagai tanda sokongan jitu dalam memberi bimbingan serta membantu persediaan anak-anak warga ATM serta Kementerian Pertahanan.
6. Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Isham bin Ishak, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Abdul Rahman bin Ayob, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lettenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Pengurus LTAT, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara), Ketua Eksekutif YLTAT, Dato' Dr Mohd Nizar bin Hj Sudin, Pengarah Pendidikan ATM, Kol Mohd Sharif bin Ishak, pemegang-pemegang taruh, ibu bapa serta penerima-penerima insentif.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

6 Jun 2024